

21 MAY 2001

Umno-Cina

UMNO SABAH SUDAHPUN ADA ANGGOTA CINA

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 21 Mei (Bernama) -- Pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kaum Cina Sabah boleh menyertai Umno di negeri itu mungkin dianggap satu perkembangan baru tetapi sebenarnya Umno Sabah sudahpun mempunyai seorang anggota kaum Cina sejak awal-awal lagi.

Malah ketika Umno mula-mula mengembangkan sayapnya ke Sabah 10 tahun lepas, parti itu bukan sahaja mempunyai Tan Chong Ming sebagai seorang anggota, malah beliau merupakan anggota jawatankuasa penaja parti itu bagi kawasan Kimanis.

Mengimbas kembali penyertaannya dalam Umno, Tan, 47, berkata segala-galanya berlaku secara normal iaitu apabila Umno mengembangkan sayapnya ke Sabah, beliau tertarik dengan parti itu dan selepas itu beliau menjadi anggotanya.

"Ketika itu saya menyertai Umno kerana saya tertarik dengan cara dan budaya parti itu dan saya juga diterima menjadi ahli. Sehingga hari inipun saya masih ahli Umno," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Berasal dari Kuala Penyu dan bekerja sendiri, beliau juga adalah seorang anggota perwakilan pada persidangan Umno Bahagian Beaufort bulan lepas.

Selaku anggota jawatankuasa penaja, beliau bersama-sama pemimpin lain ketika itu melancarkan usaha termasuk membuat lawatan dari rumah ke rumah untuk mendapatkan sokongan untuk Umno yang baru berkembang di Sabah.

"Ketika itu memang agak sukar untuk mendapatkan sokongan tetapi sekarang keadaannya berbeza dan Umno kini parti paling kuat di Sabah. Saya bangga kerana menjadi anggota Umno," kata Tan yang nombor keanggotaannya ialah 0009363.

Umno mengembangkan sayap ke Sabah pada Februari 1991, beberapa bulan selepas Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menerajui kerajaan negeri ketika itu, bertindak keluar daripada Barisan Nasional (BN).

Ketika Umno mengembangkan sayapnya ke Sabah, pucuk pimpinannya telah memutuskan untuk memberi kelonggaran supaya keanggotaan parti itu dibuka juga kepada Bumiputera Sabah tanpa mengira kaum dan agama mereka.

Ketika ditanya mengenai reaksi rakan-rakan beliau dalam Umno ketika itu, Tan berkata: "Mereka semua menerima saya dengan baik, saya tiada masalah untuk bergaul dengan mereka dan saya juga dapat memainkan peranan seperti juga ahli yang lain."

Tan turut menyambut baik kelonggaran untuk kaum Cina Sabah menyertai Umno negeri seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri semalam.

Kelonggaran berkenaan adalah ekoran pembubaran parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) semalam dengan anggota-anggotanya termasuk daripada kaum Cina, diterima menganggotai Umno.

Dr Mahathir berkata buat masa ini kelonggaran itu terhad kepada Umno Sabah.

"Sebagai penaja Umno Sabah, saya bangga dan bersyukur dengan pengumuman itu," katanya.

Beliau juga yakin masyarakat Cina Sabah menyambut baik sikap terbuka Umno itu kerana ia dapat mengukuhkan perpaduan kaum.

-- BERNAMA

JS MAI